

# Banteras Syiah menular dalam masyarakat

Sudah menjadi tradisi dalam kalangan masyarakat Melayu apabila 10 Muharam dikaitkan dengan bubur asyura.

Ada yang menganggap menganggap bubur asyura amalan wajib pada Muharam walaupun tidak berdasarkan nas al-Quran dan hadis.

Di sebalik kemeriahan mengacau bubur asyura, kita juga harus tahu bahawa 10 Muharam adalah hari perayaan Syiah yang tersasar jauh, bahkan sesat daripada akidah ahli Sunnah Wal Jamaah. Perayaan ini dilaksanakan setiap tahun untuk mengingati pengorbanan dan meratapi kematian Saidina Hussain, cucu kepada Nabi Muhammad SAW.

Pada hari ini kita semua mampu melihat dengan jelas ramai dalam kalangan masyarakat Melayu terjebak dengan Syiah.

Hal ini menunjukkan bahawa fahaman Syiah sedang menular dan mengembang dalam kalangan masyarakat kita.

Gejala ini perlu dibanteras kerana ajaran Syiah bukan landasan Islam. Siswa wajar diberi peluang membantu kerajaan membanteras Syiah bagi mengelak kesan buruk kepada anggota masyarakat.

**Muhammad Azmil Abu Seman**  
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar  
Universiti Sains Islam Malaysia